



3 September 2012
3 September 2012
P.U. (A) 279

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

UNITED NATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi organisasi antarabangsa
4. Keperibadian juridikal
5. Keistimewaan dan kekebalan
6. Penepian
7. Pembatalan

JADUAL

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1), dan seksyen 6A dan 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [Akta 485], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Keistimewaan dan Kekebalan) 2012.**

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“organ subsidiari” ertinya organ yang ditubuhkan di bawah organ utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang termasuk—

- (a) suatu organ atau pejabat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (b) suatu suruhanjaya, majlis atau badan lain yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau organnya; dan
- (c) suatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil suatu jawatankuasa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau organ, suruhanjaya, majlis atau badannya,

sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“organ utama” ertinya organ yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu—

- (a) Perhimpunan Agung;
- (b) Majlis Keselamatan;
- (c) Majlis Ekonomi dan Sosial;
- (d) Majlis Peramanahan;
- (e) Mahkamah Keadilan Antarabangsa; dan
- (f) Sekretariat; dan

“pegawai” ertinya seseorang pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, selain pegawai tempatan yang diambil bekerja.

Pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi organisasi antarabangsa

3. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diisytiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa.

Keperibadian juridikal

4. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan di sisi undang-undang sebagaimana yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya.

Keistimewaan dan kekebalan

5. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan wakil anggota, pegawai dan pakar dalam misinya hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh kepada Akta.

Penepian

6. (1) Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu daripada apa-apa proses undang-undang selain pelaksanaannya.

(2) Sesuatu Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau ketua suatu organisasi antarabangsa atau seberang laut masing-masing hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana orang yang hadir di persidangan yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai wakilnya jika, pada pandangan Negara Anggota atau ketua itu, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

(3) Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana Timbalan Setiausaha Agung atau Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau pegawai atau mana-mana orang yang sedang melaksanakan apa-apa misi bagi pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(4) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

Pembatalan

7. Peraturan-Peraturan Bangsa-Bangsa Bersatu (Keistimewaan dan Kekebalan) 2009 [*P.U. (A) 248/2009*] dibatalkan.

JADUAL

ORGAN SUBSIDIARI

[Peraturan 2]

1. Semua badan subsidiari organ utama
2. Program dan Tabung
 - a. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD)
 - b. Program Pengawalan Dadah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP)
 - c. Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP)
 - d. Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)
 - e. Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)
 - f. Tabung Pembangunan bagi Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFEM)
 - g. Sukarelawan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNV)
 - h. Tabung Pembangunan Modal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCDF)
 - i. Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA)
 - j. Program Makanan Sedunia (WFP)
 - k. Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHABITAT)
 - l. Pusat Perdagangan Antarabangsa (ITC)
 - m. Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC)
3. Institut Penyelidikan dan Latihan
 - a. Institut Penyelidikan Jenayah dan Keadilan Antara Rantau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICRI)
 - b. Institut bagi Latihan dan Penyelidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRISD)
 - c. Institut bagi Penyelidikan Pelucutan Senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDIR)

- d. Institut Penyelidikan dan Latihan Antarabangsa bagi Kemajuan Wanita (INSTRAW)
 - e. Institut Latihan dan Penyelidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNITAR)
4. Entiti Lain Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- a. Pejabat Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OHCHR)
 - b. Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perkhidmatan Projek (UNOPS)
 - c. Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU)
 - d. Kolej Staf Sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSSC)
 - e. Program Bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai HIV/AIDS (UNAIDS)
 - f. Strategi Antarabangsa bagi Pengurangan Bencana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNISDR)
 - g. Jawatankuasa Cegah Keganasan (CTC)
 - h. Jawatankuasa Sekatan Majlis Keselamatan (SCSC)
5. Tabung Amanah Lain Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- a. Tabung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perkongsian Antarabangsa (UNFIP)
 - b. Tabung Demokrasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDEF)

Dibuat 13 Julai 2012
[SR(050)BUU(R)200-36 Jld 2; PN(PU2)507/III]

DATO' SRI ANIFAH BIN HJ AMAN
Menteri Luar Negeri

Saya bersetuju,
Bertarikh 16 Ogos 2012

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) ACT 1992

UNITED NATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Declaration of the United Nations to be an international organization
4. Juridical personality
5. Privileges and immunities
6. Waiver
7. Revocation

SCHEDULE

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) ACT 1992

UNITED NATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by subsections 3(1) and 4(1), and sections 6A and 11 of the International Organizations (Privileges and Immunities) Act 1992 [*Act 485*], the Minister, with the concurrence of the Minister of Finance, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **United Nations (Privileges and Immunities) Regulations 2012**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“subsidiary organs” means the organs established under the principal organs of the United Nations which includes—

(a) an organ of or office within, the United Nations;

(b) a commission, council or other body established by the United Nations or its organ; and

(c) a committee or sub-committee of a committee, of the United Nations or its organ, commission, council or body,

as specified in the Schedule;

“principal organs” means the organs established by the United Nations, namely the—

(a) General Assembly;

(b) Security Council;

(c) Economic and Social Council;

- (d)* Trusteeship Council;
- (e)* International Court of Justice; and
- (f)* Secretariat; and

“official” means an officer of the United Nations, other than an officer who is engaged locally.

Declaration of the United Nations to be an international organization

3. The United Nations is declared to be an international organization.

Juridical personality

4. The United Nations shall have juridical personality and such legal capacities as may be necessary for the exercise of its powers and the performance of its functions.

Privileges and immunities

5. The United Nations and its representatives of members, officials and experts on missions shall have all or any of the privileges and immunities specified in the Seventh Schedule to the Act.

Waiver

6. (1) The United Nations General Assembly shall have the right to waive the immunities conferred on the United Nations from any legal process other than its execution.

(2) A Member State of the United Nations or the head of an international or overseas organization respectively shall have the power and duty to waive the immunities conferred on any person who is in attendance at conference convened by the United Nations as its representatives where, in the opinion of such Member State or such head, the immunities would impede the course of justice and can be waived without prejudicing the purposes for which they were conferred.

(3) The Secretary-General of the United Nations shall have the power and duty to waive the immunities conferred on any Deputy Secretary-General or Undersecretary of

the United Nations or official or any person who is performing any mission on behalf of the United Nations where, in his opinion, the immunities would impede the course of justice and can be waived without prejudicing the interests of the United Nations.

(4) The Security Council of the United Nations shall have the right to waive the immunities conferred on the Secretary-General of the United Nations where, in its opinion, the immunities would impede the course of justice and can be waived without prejudicing the purposes for which they were conferred.

Revocation

7. The United Nations (Privileges and Immunities) Regulations 2009 [P.U. (A) 248/2009] is revoked.

SCHEDULE

SUBSIDIARY ORGANS

[Regulation 2]

1. All subsidiary bodies of the principal organs
2. Programmes and Funds
 - a. United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)
 - b. United Nations Drug Control Programme (UNDCP)
 - c. United Nations Environment Programme (UNEP)
 - d. United Nations Children's Fund (UNICEF)
 - e. United Nations Development Programme (UNDP)
 - f. United Nations Development Fund for Women (UNIFEM)
 - g. United Nations Volunteers (UNV)
 - h. United Nations Capital Development Fund (UNCDF)
 - i. United Nations Population Fund (UNFPA)
 - j. World Food Programme (WFP)
 - k. United Nations Human Settlements Programme (UNHABITAT)
 - l. International Trade Centre (ITC)
 - m. United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)
3. Research and Training Institutes
 - a. United Nations Interregional Crime and Justice Research Institute (UNICRI)
 - b. United Nations Institute for Training and Research (UNRISD)
 - c. United Nations Institute for Disarmament Research (UNIDIR)
 - d. International Research and Training Institute for the Advancement of Women (INSTRAW)
 - e. United Nations Institute for Training and Research (UNITAR)

4. Other United Nations Entities
 - a. Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights (OHCHR)
 - b. United Nations Office for Project Services (UNOPS)
 - c. United Nations University (UNU)
 - d. United Nations System Staff College (UNSSC)
 - e. Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS)
 - f. United Nations International Strategy for Disaster Reduction (UNISDR)
 - g. Counter-Terrorism Committees (CTC)
 - h. Security Council Sanction Committees (SCSC)

5. Other UN Trust Funds
 - a. United Nations Fund for International Partnerships (UNFIP)
 - b. United Nations Democracy Fund (UNDEF)

Made 13 July 2012
[SR(050)BUU(R)200-36 Jld 2;PN(PU2)507/III]

DATO' SRI ANIFAH BIN HJ AMAN
Minister of Foreign Affairs

I concur,
Dated 16 August 2012

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance